

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini tuntutan bayaran royalti tunai oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini,

Tiada Bayaran Tunai dibuat oleh PETRONAS, khususnya bagi pengeluaran petroleum kepada mana-mana negeri di Semenanjung Malaysia termasuk negeri Kelantan. Ini disebabkan oleh kedudukan medan pengeluaran petroleum yang beroperasi adalah di luar perairan negeri Kelantan.

Namun begitu, memandangkan lokasi medan petroleum berdekatan dengan perairan negeri Kelantan, maka Kerajaan Persekutuan membuat pembayaran dalam bentuk Wang Ehsan bagi melaksanakan projek dan program untuk manfaat rakyat di negeri tersebut.

Sekian, terima kasih.